

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]**
TARIKH : **9.6.2014**
SOALAN :

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan susulan pihak Kementerian terhadap UiTM yang menganjurkan Seminar "Kalimah Allah Dan Kristologi Nusantara" pada 6 Mei 2014 di mana kandungan seminar itu mengapi-apikan perhubungan antara agama di kalangan pelajar UiTM serta orang ramai khususnya mencetus rasa syak wasangka yang tidak berasas terhadap warga Kristian di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seminar "Kalimah Allah dan Kristologi Nusantara" yang dianjurkan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 6 Mei 2014 adalah satu program akademik dan perbincangan ilmiah bagi menerangkan permasalahan kalimah Allah yang menjadi isu dan perbahasan hangat masyarakat. Dalam seminar tersebut, perbincangan dan penjelasan secara ilmiah yang bersifat pro dan kontra selaras dengan budaya intelektual di peringkat pengajian tinggi berkaitan isu ini telah dijalankan dengan harmoni. Oleh itu, fakta dan perbincangan dalam seminar tersebut sepatutnya dilihat secara positif sebagai satu bentuk percambahan minda dan intelektual.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di awal program, peserta telah diingatkan bahawa tujuan seminar ini diadakan bukan untuk dicurigai, memperkecilkan agama lain dan bukan untuk menyerang pegangan dan kepercayaan penganut agama lain. Ini adalah semata-mata bagi pertahankan jati diri umat Islam di Malaysia dan memberi kefahaman kepada

penganut agama Islam sendiri yang diselubungi dengan pelbagai kekeliruan seperti isu penggunaan 'Kalimah Allah' dan cabaran serta ancaman yang dihadapi oleh umat Islam pada masa kini demi menjaga kesucian agama Islam.

Seminar ini difokuskan kepada pelajar dan jemputan dalam kalangan masyarakat Islam. Justeru, berdasarkan tajuk dan objektif seminar ini adalah jelas untuk menghurai kekusutan yang berlaku demi kepentingan hal ehwal masyarakat Islam di negara ini secara langsung dan masyarakat bukan Islam secara tidak langsung. Bahkan dapat memahamkan pelajar dan masyarakat seterusnya merapatkan lagi perhubungan antara pelajar dan masyarakat berbilang agama.